

15/02/1998

Keamanan negara masih kukuh: PM

Zainudin Isa

SUNGAI BESI: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin asas perpaduan kaum yang kukuh dapat mencegah keadaan huru hara dan rusuhan meskipun negara dilanda kegawatan ekonomi serta kejatuhan nilai mata wang.

Perdana Menteri berkata, keamanan dan kesejahteraan di negara ini masih kukuh, berbanding negara lain yang menghadapi tekanan kerana kejatuhan nilai mata wang.

Justeru, katanya, perpaduan kaum menjadi kelebihan bagi kerajaan untuk mengatasi masalah yang dihadapi dengan lebih meyakinkan lagi.

"Di Malaysia, walaupun nilai mata wang kita jatuh, kita dapat kawal keadaan kerana rakyat hidup rukun damai.

"Kalau kita lihat di sesetengah tempat ada rusuhan, demonstrasi dan sebagainya, tapi Alhamdulillah, di Malaysia tidak ada walaupun kita mempunyai pelbagai kaum," katanya pada Forum dan Jamuan Kongsi Raya di Pusat Pameran Antarabangsa Malaysia (Mines) di Sri Kembangan, di sini semalam.

Kira-kira 1,000 belia berhimpun pada majlis anjuran bersama Majlis Belia Malaysia (MBM), Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim), Pergerakan Pemuda Malaysia (YMM) dan Persatuan Usahawan Muda Malaysia (PUMM).

Dr Mahathir berkata keamanan yang wujud hasil perpaduan kaum perlu diberi penilaian yang tinggi.

Bagaimanapun, beliau meminta semua rakyat jangan sombong dan angkuh dengan keamanan yang dikecapi sekarang, sebaliknya turut bersimpati dengan keadaan yang dihadapi rakyat di negara jiran.

"Kita harus bersimpati dengan mereka. Walaupun kita di sini aman, mereka tak aman, janganlah kita berasa sombong dan angkuh, kononnya kita orang yang baik. Kita cuba bersimpati dan memahami masalah mereka.

"Saya bukan hendak kata negara lain tidak tertib, kadang-kadang kita dapati apabila berlaku sesuatu yang menekan, maka rusuhan akan berlaku.

"Kita juga harus ingat mereka juga tidak ingin berbuat demikian, tetapi kerana keadaan menekan, mereka membuat tindakan yang mengancam keamanan dan ketenteraman negara.

"Jika negara itu miskin dan menghadapi masalah besar, maka rakyat tidak dapat mengawal disiplin diri dan berlakulah rusuhan kerana nilai mata wang mereka dijatuhkan dengan begitu mendadak sehingga bank dan syarikat menjadi bankrap dan pekerja hilang pekerjaan," katanya.

Sebagai reaksi terhadap gelaran Bapa Teknologi Malaysia yang diberi Presiden MBM, Datuk Suhaimi Ibrahim, Perdana Menteri berkata baginya gelaran atau pengiktirafan tidak penting.

"Yang lebih penting ialah kita semua bersatu padu untuk menghadapi masalah yang kita hadapi," katanya.

Suhaimi dalam ucapannya berkata MBM memutuskan untuk mengiktiraf jasa dan sumbangan Dr Mahathir dalam memajukan bidang sains dan teknologi canggih di negara ini dengan gelaran Bapa Teknologi Malaysia.

(END)